

## **BAB 1: BIOGRAFI NIK MUHAMMAD SALLEH WAN MUSA**

### **1.0 Pendahuluan**

Nik Muhammad Salleh Wan Musa merupakan seorang tokoh ulama *iṣlah* yang telah menyeru masyarakat di Kelantan supaya kembali kepada al-Qur'an dan al-sunnah. Usahanya ini mendapat sambutan hangat oleh masyarakat pada suatu ketika, walaupun terdapat juga segolongan individu yang memandang sepi usaha beliau, bahkan ada yang melemparkan pelbagai tuduhan terhadap kegiatan beliau itu. Ini adalah kerana usaha dan pemikirannya yang mendahului zaman tidak mampu difahami oleh mereka.

Beliau banyak memberikan sumbangan dalam pengajian al-Qur'an samada melalui penulisan, dan juga aktiviti pengajaran beliau. *Kuliah Pengajian al-Qur'an* adalah satu usaha beliau mengumpulkan kaedah-kaedah dan mengemukakan prinsip asas dalam memahami al-Qur'an. Dengan pengalaman dan pengajiannya yang bertahun-tahun maka terhasilah karya ini. Dalam bab ini, penulis akan menyelusuri kisah hidup beliau dari awal sehingga saat-saat terakhir iaitu ketika menghembuskan nafasnya yang terakhir.

### **1.1 Keturunan**

Beliau dilahirkan dalam keturunan ulama dan umara, datuknya ialah ulama Kelantan yang tersohor iaitu Tuan Tabal. Hasil pernikahan Tuan Tabal dengan anak Tok Semian iaitu Wan Thum (Kalthum)<sup>1</sup>, lahirlah ayahnya yang dinamakan Wan Musa di Lorong Semian,

---

<sup>1</sup> Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan (1977), *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu 1900-1940*. Kelantan: Pakatan Keluarga Tuan Tabal, h. 41.

Kota Bharu pada 1874.<sup>2</sup> Wan Musa dihantar belajar ke Mekah dan sempat berguru dengan Wan Ahmad bin Muhammad Zain Mustafa al-Fatani, dan Syaikh Hasbullah.<sup>3</sup> Sekembalinya ke Kelantan dari Mekah, beliau telah dilantik oleh Sultan Muhammad IV untuk menjadi Mufti Kelantan selepas Haji Nik Wan Daud.<sup>4</sup> Selain menjadi mufti beliau turut menyebarkan ilmu agamanya dengan mengajar di suraunya. Antara tokoh yang menjadi murid-muridnya ialah Haji Ni'mat Kedai Lalat, Haji Abdullah Nuh Pasir Puteh, Tuan Guru Haji Saad Kangkong, Haji Yaakub Lorong Gajah Mati, Haji Ahmad Hafiz, Mukhtar Mandahiling, dan sebagainya.<sup>5</sup>

## 1.2 Kelahiran

Berdasarkan catatan tulisan tangan Wan Musa, Nik Muhammad Salleh Wan Musa dilahirkan pada hari Selasa bertarikh 4 Syaaban tahun 1339 Hijrah<sup>6</sup> bersamaan Mac 1920 di Merbau, Kota Bharu.<sup>7</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa merupakan hasil perkongsian hidup ayahnya dengan isteri ketiga beliau iaitu Wan Zainab Wan Yahya.<sup>8</sup> Adik-beradik beliau yang lain ialah Fatimah, Abdullah, Aishah, Muhammad Nuruddin, Aminah, Khadijah, Mahmud, Abdul Rahman, Kalthom, Muhammad Mohyideen, dan Salamah.<sup>9</sup> Kini kesemua adik-beradik beliau telah meninggal dunia.<sup>10</sup>

---

<sup>2</sup> Tajuddin Seman dan Ab Manaf Samad (2005), *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: YADIM, h. 92.

<sup>3</sup> Ismail Awang (1988), “Mufti Haji Wan Musa (1874-1939)”, dalam Ismail Che Daud (ed.), *Tokoh Ulama Semenanjung (1)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 208.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 214.

<sup>6</sup> *Ibid.*, h. 219.

<sup>7</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan S Othman Kelantan (1974), “Theological Debates: Wan Musa b. Haji Abdul Samad and His Family”, dalam William Roff (ed.), *Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 165.

<sup>8</sup> Ismail Awang (1988), *op.cit.*, h. 215.

<sup>9</sup> *Ibid.*, h. 215 dan 219.

<sup>10</sup> YM Tengku Rabiatul Adawiyah Tengku Zainal Abidin, isteri Nik Muhammad Salleh Wan Musa, temubual pada 17 Oktober 2008, di rumah beliau beralamat 1612, Jalan Merbau, Kota Bharu, Kelantan.

### 1.3 Pendidikan

Nik Muhammad Salleh Wan Musa sangat bertuah dilahirkan dalam keluarga yang mementingkan ilmu agama. Malah ayahnya bercita-cita memiliki anak yang mampu menjadi ulama lantas mendoakan anak-anaknya dengan doa berikut:

(1)

% %

(2)

Kesibukan Wan Musa dengan tugas sebagai mufti dan kewajipan mengajar di surau tidak sekali-kali melupakan beliau dengan tugas mendidik anak sendiri. Beliau mendidik anak-anak dan anak murid dengan penuh disiplin sewaktu mereka menadah kitab, menunaikan ibadah dan dalam kehidupan seharian.<sup>12</sup> Beliau bertindak dan bersikap keras terhadap mereka yang malas, bangun lewat pada waktu malam, sukar mengingati selepas menghafal kitab agama, mengacau dan berfoya-foya di tepi jalan raya.<sup>13</sup> Beliau juga tidak teragak-agak menggunakan rotan dalam mendidik anak-anaknya. Daripada ayahnya yang tercinta, Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah belajar Bahasa Arab dan Bahasa Melayu sehingga usianya mencencah 14 tahun.<sup>14</sup>

Kesan daripada didikan dan persekitaran sewaktu beliau membesar inilah yang membentuk keperibadian yang cemerlang Nik Muhammad Salleh Wan Musa. Beliau telah berjaya dalam pengajian asas di Tanah Melayu dan meneruskannya di peringkat yang lebih tinggi di luar negeri seperti kebanyakan ulama yang lain. Pada waktu itu, kebanyakan ulama mengantar anak mereka belajar di Mekah, bagaimanapun selepas

---

<sup>11</sup> Ismail Awang (1988), *op.cit.*, h. 219.

<sup>12</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan (1983), “Lima Orang Tokoh Ulama di Kelantan”, dalam Nik Abdul Aziz Nik Hassan (ed.), *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia., h. 34.

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan S. Othman Kelantan (1974), *op.cit.*, h. 165.

kehadiran Tok Khurasan,<sup>15</sup> seorang ulama hadith yang berasal dari India, ramai pelajar yang belajar dengannya terpengaruh untuk melanjutkan pengajian mereka ataupun menghantar anak mereka ke India.<sup>16</sup> Ini termasuklah Wan Musa bin Tuan Tabal yang terpengaruh dan menghantar anak-anaknya ke India.

Di Tanah Melayu, Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah berguru dengan ulama tersohor seperti Tok Khurasan,<sup>17</sup> Haji As'ad bin Haji Daud,<sup>18</sup> Haji Husain Pulau Pinang dan Haji Ayub bin Haji Husain Kemboja.<sup>19</sup>

Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah menuntut ilmu di Mekah dan juga India. Beliau telah mendalami ilmu Islam *tariq* Shāh Wali Allah al-Dihlawī daripada abangnya

<sup>15</sup> Nama penuh Tok Khurasan ialah Abu Abdullah Sayyid Hassan bin Nur Hassan bin Mirza Shah bin Khubaib bin Daralqarar bin Syaikh Saadi. Beliau dilahirkan pada tahun 1875 bersamaan 1292H di Bafar, Pakistan. Beliau telah mendapat pengajian tinggi di Universiti Darul Ulum, Deoband serta menguasai banyak bahasa Fukhton atau Fuston, Parsi, Arab, Urdu, Hindi, Sikh, Jepun, China, Siam, Inggeris, Melayu dan beberapa loghat di Semenanjung Deccan seperti Pushtu dan Kathiawar. Beliau tiba di Kelantan sekitar tahun 1911 atau 1912M ketika usianya 37 tahun. Di Kelantan beliau telah mengahwini Siti binti Uthman dan menjalankan aktiviti pengajaran di atas sebuah bangsal berlantaikan buluh yang didirikan berhampiran dengan Surau Dar al-Hadith al-Khurasaniah. Beliau cenderung mengajar kitab-kitab hadith *Sunan Sittah*. Beliau telah meninggal dunia pada hari Isnin bertarikh 16 atau 17 Ramadhan 1363H bersamaan 4 September 1944. Jenazahnya dikebumikan di tanah perkuburan Limau Manis. Untuk keterangan lanjut mengenai beliau, sila lihat Ismail Che Daud (1988), "Tok Khurasan (1875-1944)", dalam Ismail Che Daud (ed.), *Tokoh Ulama Semenanjung (I)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 255-269.

<sup>16</sup> Prof Madya Dr Zaki Berahim@Ibrahim, Pensyarah Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Temubual pada 25 Mac 2008.

<sup>17</sup> Ismail Che Daud (1988), *op.cit.*, h. 262.

<sup>18</sup> Beliau lebih dikenali dengan nama Haji Saad Kangkong kerana dilahirkan di Kampung Kangkong, Pasir Mas Kelantan pada tahun 1893M. Beliau memulakan pengajian dengan belajar al-Qur'an dari ayahnya kemudian dengan Haji Mahmud bin Haji Ali. Beliau kemudian dihantar berguru dengan Haji Nuh Penambang di Penambang, Kota Bharu ketika usianya 13 tahun. Dua tahun selepas itu, beliau dibawa ke Mekah pula oleh ayahnya untuk mempertingkatkan pengetahuan agama. Beliau pulang dari tanah suci Mekah ketika Perang Wahabi meletus di sana. Beliau kemudian dibimbang oleh Tok Kenali untuk mengajar di Masjid Kota Bharu bermula 1 Januari 1931. Beliau diberi kepercayaan untuk mengajar kitab dan telah berusaha untuk menterjemahkan kitab *al-Umm* dan *Tafsīr al-Khazzīn*. Beliau juga telah dilantik menjadi salah seorang anggota Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan sehingga beliau menghembuskan nafas terakhir pada 26 Jun 1943. Beliau meninggal dunia pada waktu pagi akibat serangan sakit jantung setelah pulang dari mengajar. Lihat Ismail Awang(2001), "Haji Sa'ad Kangkong (1893-1943)", dalam Ismail Che Daud (ed.), *Tokoh Ulama Semenanjung(I)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 427-434.

<sup>19</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan S. Othman Kelantan (1974), *op.cit.*, h. 165.

iaitu Nik Abdullah Wan Musa. Sanad pembelajarannya dalam *tariq* ini bersambung sehingga Shāh Wali Allah al-Dihlawī seperti yang dinyatakan dalam kata pengantarnya sebagai penterjemah kitab *Hujjah Allah al-Bālighah* karya Shāh Wali Allah al-Dihlawī seperti berikut:

Saya telah belajar pengetahuan Islam di dalam segala bahagian yang perlu khasnya *tariq* al-Imām Ḥujjah al-Islām al-Shāh Wali Allah al-Dihlawī daripada saudara saya yang tertua al-`Alīm al-Fādil al-Muḥaddiṭh Nik Abdullah bin al-Marhum al-Haj Wan Musa (lahir 1319H wafat 1354H) dalam tahun 1935M. Saya telah belajar daripadanya kitab *al-Fawz al-Kabīr*, *Hujjah Allah al-Bālighah*, *al-Inṣāf*, *Muṣṭalah Hadīth* dan beberapa surah daripada al-Qur'an. Dan dalam tahun 1940 saya berpeluang belajar kitab-kitab karangan Hujjah al-Islam al-Imam al-`Allamah Mawlana `Ubaydillah al-Sindi telah belajar dan bersahabat dengan Najm al-Aimmah Mawlanā Maḥmud al-Ḥasan al-Shaikh al-Hind bin Dhū al-Faqqar `Alī Deoband (lahir 1851 wafat 1920M), beliau telah belajar dan bersahabat dengan Shaikh Mawlanā Muḥammad Qasim Deoband (lahir 1831M wafat 1879M) dan beliau belajar dan bersahabat dengan al-Imām Sirāj al-Hind al-Shāh `Abd al-Ghānī al-Dihlawī, dan beliau belajar dan bersahabat dengan Mawlanā Muḥammad Ishaq al-Dihlawī (lahir 1782M wafat 1875M) dan beliau belajar dan bersahabat dengan al-Imām al-Sirāj al-Hind al-Shāh `Abd al-`Azīz al-Dihlawī (lahir 1746M wafat 1832M) dan beliau belajar dan bersahabat dengan ayahandanya Imām al-Aimmah Hujjah al-Islām al-Shāh Wali Allah al-Dihlawī.<sup>20</sup>

Beliau mula mempelajari ilmu Islam melalui *tariq* ini di Tanah Melayu sejak tahun 1935, iaitu semenjak kepulangan abangnya Nik Abdullah Wan Musa. Pengajian dengan abangnya bagaimanapun terbantut apabila Nik Abdullah Wan Musa mula jatuh sakit pada penghujung tahun 1934 dan meninggal dunia pada tahun 24 Mei 1935<sup>21</sup> selepas lapan bulan

<sup>20</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t.), *Kuliah Pengajian al-Qur'an*. Kota Bharu: t.p, h. 2 bagi terjemahan *Hujjah Allah al-Balighah*

<sup>21</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan (1983), *op.cit.*, h. 47.

berada di Tanah Melayu sekembalinya dari Mekah.<sup>22</sup> Di negeri kelahirannya juga, beliau turut belajar Bahasa Inggeris di Sekolah Majlis yang diadakan pada waktu petang.<sup>23</sup>

Kemudian beliau dihantar ke Mekah ketika berusia 16 tahun pada bulan Syaaban tahun 1936 setelah menghabiskan pelajaran asas di Tanah Melayu.<sup>24</sup> Ayahnya menghantar beliau ke Mekah melalui Singapura. Beliau ke Mekah bersama-sama dengan iparnya, Nik Hassan yang ingin menunaikan ibadat haji di Tanah Suci itu.<sup>25</sup> Perpisahan di Pelabuhan Singapura itu merupakan detik terakhir dalam hidup Nik Muhammad Salleh menghabiskan masa dengan ayahnya kerana selepas itu beliau tidak lagi bertemu dengannya sehingga kematian Wan Musa pada tahun 1939.<sup>26</sup> Beliau tiba di Mekah setelah menghabiskan masa selama 20 hari dalam perjalanan.<sup>27</sup>

Di Mekah, beliau bertekad untuk berguru dengan Maulana Ubaidillah Sindi yang merupakan guru kepada abangnya. Tekad beliau ini adalah kerana ingin mendalamai ilmu Islam melalui *tariq* Shāh Wali Allah al-Dihlawī. Bagaimanapun, hasratnya ini tidak kesampaian apabila Maulana Ubaidillah Sindi tidak menerima beliau sebagai pelajarnya sebaliknya menasihati beliau supaya belajar di Darul Ulum Deoband selama dua atau tiga tahun, setelah tamat di situ beliau hendaklah berguru pula dengan Ahmad Ali Lahore di Lahore mengikut *tariq* Shāh Wali Allah al-Dihlawī, dan akhir sekali beliau dikehendaki

---

<sup>22</sup> Siti Rokiah Yusoff (1977), “Haji Nik Muhammad Salleh bin Haji Wan Musa: Seorang Tokoh Ulama Islah Kelantan”(Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 43.

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 44

<sup>24</sup> *Ibid.*, h. 43.

<sup>25</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan (1983), “Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa dan Tariq Syah Waliullah al-Dehlavi”, dalam Nik Abdul Aziz Nik Hassan (ed.), *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia., h. 61.

<sup>26</sup> Siti Rokiah Yusoff (1977), *op.cit.*, h. 44.

<sup>27</sup> *Ibid.*

melawat Mesir, Berlin dan Jerman.<sup>28</sup> Beliau memaklumkan nasihat Maulana Ubaidillah Sindi kepada ayahnya yang berada di Tanah Melayu. Sementara menunggu keputusan daripada ayahnya, beliau telah berguru dengan Maulana Abdul Aziz Ahmad Hindi bagi tujuan mempertingkatkan ilmu *tarīq Shāh Wali* Allah al-Dihlawī dan pada waktu malam pula beliau belajar ilmu hadith dengan Hamzah Masri.<sup>29</sup>

Setelah berada selama sepuluh bulan di Mekah yang memberikan beliau banyak peluang untuk mempertingkatkan kemahiran Bahasa Arab, Nik Muhammad Salleh Wan Musa bersama-sama abangnya Nik Mahmud telah bertolak ke India pada 15 Jamadil Akhir tahun 1937. Sebelum bertolak, beliau sempat ke Madinah dan menziarahi makam Nabi Muhammad SAW serta menunaikan solat di Masjid Quba'.<sup>30</sup> Untuk menuju ke India, beliau memilih untuk menaiki kapal syarikat India Bombay melalui Aden dan Bombay. Dari Bombay, beliau menaiki keretapi terus ke Delhi iaitu ke Madrasah Darul Ulum Kashmiri. Sewaktu tiba di sana, hanya terdapat tujuh orang anak Melayu sahaja yang menuntut di situ iaitu Mohd Zain Jaafar, Yaacob Machang, Abdul Hadi, Abdul Kadir Kampung Laut, Zaria, Abdullah dan Mohd Taib.<sup>31</sup>

Belumpun sempat beliau mempelajari sesuatu di madrasah tersebut setelah mendaftarkan diri, beliau memutuskan untuk ke Deoband kerana merasakan suasana di Delhi tidak sesuai dengan dirinya. Pada tahun 1938, beliau dan abangnya mendaftar di Madrasah Darul Ulum, Deoband. Pengetua madrasah tersebut ketika itu ialah Maulana

---

<sup>28</sup> *Ibid.*, h. 46.

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 47

<sup>31</sup> *Ibid.*

Husain Ahmad al-Madini.<sup>32</sup> Di Deoband, beliau mempelajari ilmu hadith, fiqh Hanafi, mantiq, falsafah tulen, astronomi dan sebagainya. Antara guru-guru beliau ialah Maulana Shamsul Haqq Fashawwar, Maulana Shafiq Deoband, dan Maulana Husain Ahmad al-Madini.<sup>33</sup> Pada tanggal 3 Syawal tahun 1939, beliau telah menduduki ujian bagi semua matapelajaran di Darul Ulum Deoband, akhirnya beliau mendapat keputusan yang baik.<sup>34</sup>

Pada tahun 1939, Nik Muhammad Salleh Wan Musa meneruskan pencarian ilmunya di Delhi dengan menuntut ilmu di Jamiah Milliyah, setelah mendengar khabar bahawa Maulana Ubaidillah Sindi telah dibebaskan dan dibenarkan kembali ke India selepas 25 tahun dalam buangan negeri akibat hukuman yang dikenakan oleh pihak British. Sekembali ke India, Maulana Ubaidillah Sindi menabur khidmat di Jamiah Milliyah sebagai guru besar. Naib Canselor Jamiah Milliyah ketika itu ialah Dr Zakir Husayn<sup>35</sup> yang kemudiannya menjadi guru dan sahabat baik Nik Muhammad Salleh Wan Musa.<sup>36</sup>

---

<sup>32</sup> *Ibid.*, h. 48

<sup>33</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan S. Othman Kelantan (1974), *op.cit.*, h. 165.

<sup>34</sup> Siti Rokiah Yusoff (1977), *op.cit.*, h. 49.

<sup>35</sup> Dr Zakir Husayn dilahirkan pada 8 Februari 1897 di Hyderabad Deccan, beliau mendapat Sekolah Tinggi Islamia, Kolej Muhammadan Anglo Oriental (sekarang Universiti Aligarh) di Aligarh, dan mendapat Ijazah Kedoktoran di Universiti Berlin. Beliau mengasaskan penubuhan Jamiah Milliyyah, Delhi dan bertugas sebagai Naib Canselor dari tahun 1926 hingga 1948. Antara jawatan yang disandang ialah Presiden Hindustani Talimi Sangh, Sevagram dari tahun 1938 hingga 1950, Naib Canselor Universiti Aligarh Muslim dari 1948 hingga 1956, Pengurus Perkhidmatan Pelajar-pelajar Antarabangsa, Jawatankuasa India sehingga 1955, Perkhidmatan Universiti Sedunia Geneva dari tahun 1955 hingga 1957, Lembaga Pusat Pelajaran Menengah hingga 1957, ahli jawatankuasa Asas Pelajaran Negara 1937. Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa bagi Suruhanjaya Bantuan-bantuan Universiti hingga 1957, Rajya Sabha (Dewan Tinggi Parlimen) hingga 1957, Lembaga Kerja UNESCO Paris dari 1956 hingga 1958, Suruhanjaya Pelajaran Universiti dari 1948 hingga 1949, Jawatankuasa Akhbar India, Jawatankuasa Penyusunan Semula Pelajaran di Bihar, Uttar Pradesh dan Madhya Pradesh. Beliau telah menghasilkan beberapa penerbitan seperti berikut Shiksha dalam Bahasa Hindi, Capitalism, Satu Rencana atas Fahaman, Plato's Republic, buku Fredrich List berkenaan dengan sistem ekonomi Negara, buku Edwin Canan, Elements of Economics, Educational Discourses dalam Bahasa Urdu, Dynamic University. Beliau telah dipilih menjadi Naib Presiden India pada bulan Mei 1962. Beliau meninggal dunia pada 3 Mei 1962 ketika berusia 72 tahun. Lihat buku sempena Lawatan Tuan Yang Terutama Dr Zakir Husayn, Naib Presiden India, no buku 2006/000831 di Arkib Negara, h. 19.

<sup>36</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan S. Othman Kelantan (1974), *op.cit.*, h. 166.

Guru yang paling berpengaruh dalam hidup Nik Muhammad Salleh Wan Musa ialah Maulana Ubaidillah Sindi. Daripada gurunya inilah, beliau mendapat idea untuk mengaitkan semua aspek kehidupan dengan apa yang akan berlaku di kemudian hari. Daripada pengajaran formal pula, beliau mempelajari ilmu dan kefahaman untuk mengharmonikan falsafah al-Qur'an dengan semua falsafah dan agama di dunia, pada masa yang sama beliau turut mempelajari ilmu tamadun dan falsafah sejarah.<sup>37</sup>

Beliau telah mempelajari ilmu agama Islam dalam setiap cabang dengan kajian yang mendalam di Bayt al-Hikmah, iaitu sebuah fakulti di Jamiah Milliyah yang ditubuhkan oleh Maulana Ubaidillah Sindi pada tahun 1940. Pada peperiksaan akhir pada tahun 1943, beliau telah lulus dengan gelaran Ulama Besar, satu penghormatan yang tidak pernah berlaku dalam sejarah Kelantan moden sejak kematian abangnya.<sup>38</sup>

Bagaimanapun beliau tidak dapat meneruskan pencarian ilmu kerana keadaan tidak mengizinkan lantaran Perang Dunia Kedua yang meletus pada waktu itu. Akhir tahun tersebut, dengan semangat yang ditanam oleh gurunya yang paling berpengaruh iaitu Maulana Ubaidillah Sindi, beliau memulakan kerjayanya dalam bidang ketenteraan dengan jawatan pertama sebagai pegawai publisiti, penterjemah suratkhabar dan sebagainya dengan British Information Services di Calcutta.<sup>39</sup> Pada akhir tahun 1944, beliau menyertai Security Service of the United States Army di Ceylon. Dengan berakhirnya perang pada tahun 1945, beliau meninggalkan bidang ketenteraan, dan kembali ke Kelantan pada 14 April 1946 untuk menggerakkan pembaharuan dalam Islam dengan tenaga usahanya.<sup>40</sup>

---

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> *Ibid.*

Beliau pulang dengan kapal laut melalui pelabuhan Singapura, dari situ pula, beliau menaiki keretapi untuk tiba ke negeri kelahirannya, Kelantan. Kepulangannya disambut oleh keluarganya sahaja dan bilangan mereka hanya mencecah puluhan orang sahaja tidak seperti ketika abangnya, Nik Abdullah Wan Musa pulang pada tahun 1934. Ini berkemungkinan disebabkan oleh pengaruh ayahnya yang telah meninggal dunia telah berkurangan di kalangan ahli masyarakat.<sup>41</sup>

**1.4 Kehidupan Berkeluarga Nik Muhammad Salleh Wan Musa**  
Sekembalinya Nik Muhammad Salleh Wan Musa dari menuntut ilmu di India, beliau giat menyampaikan ilmu di Kelantan. Ilmunya yang mendalam terhadap Islam ini telah menarik minat YM Tengku Zainal Abidin yang lebih dikenali dengan gelaran Sri Wangsa untuk menjadikannya menantu.<sup>42</sup>

YM Tengku Zainal Abidin kemudian meminta beliau menikahi anak perempuannya iaitu YM Tengku Rabiatul Adawiyah. Beliau pada mulanya teragak-agak untuk memenuhi permintaan ini memandangkan beliau merupakan rakyat biasa manakala YM Tengku Rabiatul Adawiyah merupakan anak kerabat diraja Kelantan.<sup>43</sup> Pada waktu itu, pernikahan antara golongan kerabat diraja dengan rakyat biasa belum banyak berlaku.<sup>44</sup>

Berlangsungnya pernikahan Nik Muhammad Salleh Wan Musa dengan pasangannya pada Disember 1947 merupakan antara perintis kepada pernikahan di antara

<sup>41</sup> Siti Rokiah Yusoff (1977), *op.cit.*, h. 55.

<sup>42</sup> YM Tengku Rabiatul Adawiyah Tengku Zainal Abidin, *op.cit.*

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> *Ibid.*

golongan istana dengan rakyat biasa di Tanah Melayu.<sup>45</sup> Perkahwinan ini tidak didahului dengan adat merisik, dan meminang dari pihak Nik Muhammad Salleh Wan Musa sebaliknya terus dilangsungkan akad nikah. Ketika berkahwin, usia beliau ialah 27 tahun manakala isterinya berumur 18 tahun.<sup>46</sup>

Perkahwinan antara dua darjah ini sebenarnya mempunyai maksud untuk memperdekatkan golongan istana dengan rakyat. DYMM Sultan Kelantan ketika itu iaitu Sultan Ibrahim,<sup>47</sup> dan ayahanda mertua beliau memahami bahawa amalan ini bukanlah sesuatu yang salah di sisi hukum agama Islam. Tiada ketetapan dalam agama Islam yang menghalang perkahwinan golongan istana dengan golongan biasa. Perkahwinan ini akhirnya membawa rahmat yang besar kepada kegiatan intelektual Nik Muhammad Salleh Wan Musa di Kelantan. Beliau mendapat sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada bapa mertuanya serta isteri yang tercinta dalam menyebarkan ilmu walaupun telah ditohmah dengan pelbagai fitnah dan kata-kata nista.<sup>48</sup>

Sekalipun dibesarkan dengan kemewahan sebagai kerabat diraja, YM Tengku Rabiatul Adawiyah tidak kekok untuk melakukan kerja-kerja rumah setelah berkahwin. Malah beliau turut mengambil upah menjahit baju-baju kebaya demi membantu menambah pendapatan keluarga. Kesibukan Nik Muhammad Salleh Wan Musa dengan aktiviti pengajaran telah menjadikannya seorang wanita yang berdikari dan cekap menguruskan rumah tangga. Beliau menguruskan urusan persekolahan anak-anaknya, dan membaiki

---

<sup>45</sup> *Ibid.*

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> Beliau telah diangkat menjadi Sultan Kelantan dengan gelaran Sultan Ibrahim pada 21 Jun 1944 dan dimahkotakan pada 21 Ogos 1944. Beliau telah mangkat pada 9 Julai 1960. Lihat Abdul Razak Mahmud (2002), *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd, h. 59-60.

<sup>48</sup> YM Tengku Rabiatul Adawiyah Tengku Zainal Abidin, *op.cit.*

sendiri perkakasan rumah sekiranya rosak tanpa meminta Nik Muhammad Salleh Wan Musa membaikinya.<sup>49</sup> Sesungguhnya peranan yang dimainkan oleh beliau serta sokongan padu yang diberikan sangat membantu melancarkan lagi kegiatan pengajaran Nik Muhammad Salleh Wan Musa.

Perkahwinan yang melakar sejarah ini telah melahirkan enam cahaya mata yang terdiri daripada seorang lelaki dan lima perempuan. Anak sulungnya yang lelaki dinamakan YM Tengku Ahmad Qutubuddin bersempena nama Shāh Wali Allah al-Dīhlawī, beliau kini berusia 60 tahun.<sup>50</sup> Beliau mengharapkan anaknya itu berjaya mendalami ilmu agama dan seterusnya menjadi seorang ulama yang hebat. Harapan ini membuatkan beliau menghantar anaknya yang sulung ini ke India. Di sana, YM Tengku Ahmad Qutubuddin mendampingi Zakir Husayn yang merupakan sahabat bapanya. Bagaimanapun, cita-cita Nik Muhammad Salleh Wan Musa ini tidak kesampaian apabila Zakir Husayn meninggal dunia pada 3 Mei 1969 setelah dua tahun pembelajaran YM Tengku Ahmad Qutubuddin di sana. Pemergian Zakir Husayn mengadap Ilahi melemahkan semangat YM Tengku Ahmad Qutubuddin, justeru itu beliau bertolak ke London dan meneruskan pembelajarannya di sana dalam bidang bukan agama. Kini beliau menetap di Hulu Langat Selangor dan menguruskan sebuah perniagaan di sana.<sup>51</sup>

Anak kedua pasangan ini pula ialah YM Datin Seri Tengku Azizah, kini berusia 56 tahun dan merupakan seorang suri rumahtangga. Beliau berkahwin dengan Dato' Seri Wan Ahmad Zaki yang kini merupakan ahli lembaga pengarah Ahmad Zaki Resources Bhd.

---

<sup>49</sup> *Ibid.*

<sup>50</sup> *Ibid.*

<sup>51</sup> *Ibid.*

Anak ketiga pula dinamakan YM Tengku Nilofar, kini berusia 54 tahun dan juga tidak bekerja.<sup>52</sup>

Anak keempat pula ialah YM Tengku Yasmin yang kini berusia 52 tahun, beliau merupakan ahli lembaga pengarah Kolej Pengurusan Astin yang terletak di Puchong, Selangor. Anak kelima ialah Nik Nurul al-Bahiyah yang kini berusia 42 tahun. Beliau dan anak-anaknya tinggal bersama YM Tengku Rabiatul Adawiyah di rumah peninggalan Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan bekerja sebagai konsultan kewangan.<sup>53</sup>

Menurut YM Tengku Rabiatul Adawiyah, ketika mengandungkan anaknya yang kelima ini, Nik Muhammad Salleh Wan Musa sangat berharap supaya kali ini beliau mendapat anak lelaki supaya dapat mewariskan segala ilmu pengetahuan *tariq* Shah Wali Allah al-Dihlawi setelah melihat anak sulungnya tidak berapa berminat dengan ilmu tersebut. Walaupun anak yang dilahirkan adalah perempuan, ini tidak menghalang beliau untuk membawa Nik Nurul al-Bahiyah ke mana-mana sahaja beliau mengajar.<sup>54</sup>

Anak keenam ialah Nazizah, beliau meninggal dunia ketika berusia lima tahun pada bulan April 1972.<sup>55</sup>

Setelah Nik Muhammad Salleh Wan Musa meninggal dunia pada penghujung tahun 1971 akibat sakit buah pinggang, YM Tengku Rabiatul Adawiyah berkahwin pula dengan Dato' Nik Abdul Rahman Nik Mat pada tahun 1975 yang merupakan dua pupu Nik

---

<sup>52</sup> *Ibid.*

<sup>53</sup> *Ibid.*

<sup>54</sup> *Ibid.*

<sup>55</sup> *Ibid.*

Muhammad Salleh Wan Musa. Perkahwinan ini merupakan wasiat beliau yang mahukan anak-anaknya yang masih kecil ketika itu dijaga oleh seorang bapa. Dato' Nik Abdul Rahman Nik Mat meninggal dunia pada tahun 1990. Tiada cahaya mata diperolehi daripada perkahwinan kedua ini. Kini YM Tengku Rabiatul Adawiyah mempunyai lima orang anak, sepuluh orang cucu, dan seorang cicit.<sup>56</sup>

## **1.5 Kerjaya Dan Sumbangan Nik Muhammad Salleh Wan Musa Dalam Masyarakat**

Nik Muhammad Salleh Wan Musa mula memberikan sumbangan sekembalinya beliau ke Kelantan dengan mengemukakan cadangan untuk menubuhkan sekolah al-Islah yang bertujuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan Islam, membentuk manusia dan menyediakan pendidikan falsafah secara teori dan praktikal.<sup>57</sup> Cadangan beliau ini diterima tetapi impian untuk memperkenalkan pengajaran *tarīq* Shāh Wali Allah al-Dihlawī tidak tercapai. Ahli keluarganya sendiri menentang hasrat murni beliau ini dan akhirnya beliau disingkir dari sekolah tersebut.<sup>58</sup> Segala hasrat dan keinginannya untuk mengajar di sekolah tersebut berkecaci. Sekolah al-Islah tersebut kini telah menjadi sebuah sekolah yang berstatus sekolah kerajaan. Beliau juga tidak dapat mengajar di mana-mana kerana tidak mendapat tauliah daripada Majlis Agama yang diperlukan oleh sesiapa yang ingin mengajar agama di Kelantan. Beliau telah meminta diadakan peperiksaan bagi mengukur pengetahuan yang dimilikinya, bagaimanapun tiada seorang pun yang menguruskan peperiksaan tersebut walaupun mufti sendiri ketika itu iaitu Mufti Haji Ahmad Maher.<sup>59</sup>

---

<sup>56</sup> *Ibid.*

<sup>57</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan S. Othman Kelantan (1974), *op.cit.*, h. 167.

<sup>58</sup> *Ibid.*

<sup>59</sup> *Ibid.* Mufti Haji Ahmad Maher dilahirkan di Ma'la, Mekah pada 1324H bersamaan 1905M. Beliau telah dilantik sebagai nazir pelajaran Majlis Ugama Islam Kelantan pada 1931, Ketua Pelajaran pada Januari 1934, Qadi Besar Kelantan pada 15 Oktober 1935. Empat tahun kemudian beliau dilantik menjadi mufti

Beliau telah menghantar surat permohonan sejak tahun 1948 lagi tetapi hanya pada tahun 1951, surat tersebut dijawab dengan memberitahu bahawa Majlis enggan mentauliahkannya. Walaupun tanpa tauliah, beliau tetap tidak pernah berhenti mengajar sehingga beliau meninggal dunia.<sup>60</sup>

Cubaan terakhir untuk mencampuri urusan pengajarannya ialah ketika surau ayahnya dirobohkan oleh adiknya sendiri pada tahun 1968 untuk membina surau yang baru dengan bantuan kewangan daripada Majlis Ugama.<sup>61</sup> Sejak itu, beliau terpaksa mengajar di rumahnya sahaja. Sebagai seorang yang berilmu pengetahuan yang tinggi, beliau tidak mengalah begitu sahaja, atau membiarkan cita-cita serta harapan berkubur begitu sahaja. Beliau telah memulakan satu cawangan pendidikan baru iaitu di rumah beliau pada tahun 1970 dengan mengadakan *Kuliah Pengajian al-Qur'an*.<sup>62</sup> Dari kuliah ini, beliau menghasilkan penerbitan berkala mingguan dan membincangkan prinsip asas dan kaedah dalam memahami al-Qur'an, menjawab persoalan riba, loteri, insurans bank, dan sebagainya.<sup>63</sup>

## 1.6 Karya-karya Nik Muhammad Salleh Wan Musa

Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah memberikan sumbangan dalam bidang penulisan dengan menghasilkan karya-karya bermutu untuk menyebarkan buah fikiran dan ilmu yang

---

khas DYMM Sultan Ismail. Beliau telah mengarang *Pedoman Kebangsaan dan Perlembagaan Negeri* dan menterjemahkan *Risâlah al-Qawâ'id*. Beliau meninggal dunia pada hari Sabtu 17 Zulhijjah 1387H bersamaan 16 Mac 1968 ketika berusia 63 tahun. Keterangan lanjut mengenai Mufti Haji Ahmad Maher ini boleh didapati dalam Ismail Awang (1996), "Haji Ahmad Maher", dalam Ismail Che Daud (ed.), *Tokoh Ulama Semenanjung(2)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan., h. 149-166.

<sup>60</sup> *Ibid.*

<sup>61</sup> *Ibid.*

<sup>62</sup> *Ibid.*

<sup>63</sup> *Ibid.*, *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab 2, 3 dan 4 disertasi ini.

dimiliki, untuk dimanfaatkan oleh masyarakat. Beliau mengupas sesuatu isu dengan pemikiran dan huraian yang berbeza dengan ulama-ulama lain. Ini menampakkan kepakaran beliau menguasai ilmu yang dibincangkan terutama tafsir al-Qur'an. Keberanian beliau menongkah arus dan memecah kebiasaan telah mengundang kritikan ramai pihak. Berikut merupakan karya-karya tulisan beliau:

### **1.6.1 *Masalah Zakat Fitrah Dan Fitrah Kanak-Kanak Yang Belum Baligh***

Karya ini merupakan karyanya yang paling kontroversi. Ia dicetak pada tahun 1947 bersamaan 1366H buat pertama kali oleh Waliyullahi Society Penang, dan dicetak oleh al-Kamaliah Press, Kota Bharu.

Beliau dalam peringatannya telah menyatakan tujuan menulis buku ini bukanlah untuk orang awam, bahkan adalah untuk orang-orang yang mempunyai pengetahuan dalam ilmu syariat dan adalah untuk perbahasan. Beliau langsung tidak berniat untuk menyentuh mana-mana dasar Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Kelantan dan mengganggu undang-undang tubuh negeri.<sup>64</sup>

---

<sup>64</sup> Halaman pertama buku ini memuatkan Peringatan-peringatan yang mustahak oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa. Beliau telah menyenaraikan lima peringatan yang penting iaitu: "Peringatan-peringatan di bawah ini terhadap Tuan-tuan pembaca yang berbahagia bahawa sebelum membaca risalah(*Masalah Zakat Fitrah Dan Fitrah Kanak-Kanak Yang Belum Baligh*) ini, silalah simpankan butir-butir peringatan di bawah ini di hati sanubari Tuan-tuan lebih dahulu. (1) Rencana "Masalah Zakat Fitrah Dan Fitrah Kanak-Kanak Yang Belum Baligh" ini saya tuliskan, untuk ahli-ahli yang mempunyai pengetahuan dan *tadabbur* di dalam ulum syar'iyyah, supaya memimpin mereka itu kepada rahsia ilmu yang tinggi. (2) Rencana "Masalah Zakat Fitrah Dan Fitrah Kanak-Kanak Yang Belum Baligh" ini saya tulis dengan bertujuan semata-mata perbahasan ilmu dan pengetahuan yang amat mustahak bagi tiap-tiap seorang manusia di dalam dunia ini, mengeluarkan kebebasan fikiran atau *qalamnya*. (3) "Masalah Zakat Fitrah Dan Fitrah Kanak-Kanak Yang Belum Baligh" ini saya tulis tak menyentuh mana-mana dasar Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Dan juga mana-mana undang-undang tubuh negeri ini. (4) Rencana "Masalah Zakat Fitrah Dan Fitrah Kanak-Kanak Yang Belum Baligh" ini saya tulis dengan sebenar-benarnya (Demi Allah) Tuhan yang menjadikan alam bukan tujuan hendak menghasut atau menyemaikan perasaan huru hara ke dalam dada anak-anak negeri Kelantan yang dikasihinya supaya mereka menahan bayaran zakat dan zakat fitrah kepada (Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan) bahkan kerapkali saya telah memberitahu dan menyuruh kaum keluarga saya dan orang ramai, menjelaskan bayaran fitrah dan zakat yang dikehendaki oleh Majlis Agama Islam itu selama-lamanya. (5) Rencana "Masalah Zakat Fitrah Dan

Dalam buku ini, beliau telah membahagikan kepada enam bab iaitu darihal hukuman zakat fitrah, darihal *nīṣāb* yang wajib dikeluarkan fitrah, darihal mereka-mereka yang wajib mengeluarkan fitrah, darihal bersalah-salahan mazhab, berkenaan dengan zakat fitrah dan zakat ‘ashr pada harta kanak-kanak kecil belum baligh, menyatakan darihal hadith-hadith yang ada tersebut di dalamnya wajib fitrah atas kanak-kanak yang belum baligh, dan darihal keputusan hukum atas perkhilafan sahabat-sahabat dan imam-imam pada masalah fitrah kanak-kanak yang belum baligh.

Beliau mengemukakan hujah dari mazhab Shaffi'i, dan Hanafi serta hadith yang dijadikan dalil kepada persoalan zakat fitrah ini. Beliau akhirnya menyatakan bahawa pandangan beliau dalam masalah ini ialah seperti berikut:

Adalah *tawjīh* saya berkenaan makna ayat ini iaitu bagi mereka yang kuasa puasa kenalah memberi zakat fitrah kerana warid daripada Nabi SAW- diriwayat daripada Ibn Abbas ra – berkata

---

*Fitrah Kanak-Kanak Yang Belum Baligh*”, ini apakah telah selesai tatapan Tuan-tuan pembaca yang berbahagia, dengan faham segala kaedah-kaedah yang diisi di dalam itu, maka silalah simpankan empat perkara peringatan yang lain pula:- Pertama- Jika didapati huraihan-huraian di dalam risalah ini memuaskan hati Tuan-tuan dan sebenar dengan kehendak hukum syarak, maka itulah tujuan yang kita sekalian bercita-cita selama-lamanya. Kedua-jika didapati masalah fitrah kanak-kanak yang belum baligh ini, suatu masalah yang bersalahan ulama-ulama (*khilafiyah*), pilihlah untuk amalan Tuan, salah suatu *qawl* yang lebih ringan dan lebih tulus ikhlas hati Tuan dengan Allah Taala. Ketiga-Jika didapati huraihan-huraian saya dalam risalah ini, tak faham kerana kurang adab Bahasa Melayu, maka silalah bertanya kepada pengarang sendiri. Keempat-Jika didapati *tawjih* (pendirian) saya pada masalah fitrah kanak-kanak yang belum baligh ini, nyata salah pada hukum syarak atau *istinbat* daripada nas-nas ulama-ulama dan imam-imam, maka jawapan saya yang keempat ini, ialah jawapan penghulu kita Hadrat Sayyidina Muhammad kepada kaum keluarganya yang takabbur iaitu Abu Jahal dan Abu Lahab:

فَلِجِئْنَا بِكِتَابٍ أَهْدَى مِنْهُ إِنْتَعْنَاهُ - الْآيَةُ (sic).

Ertinya: katakanlah Wahai Muhammad bawakanlah kepada kami sebuah kitab yang lebih banyak petunjuk daripadanya (Quran) supaya boleh kami ikutikan dia- terima kasih banyak-banyak. Lihat Nik Muhammad Salleh Wan Musa(1947), *Masalah Zakat Fitrah Dan Fitrah Kanak-Kanak Yang Belum Baligh*. Kota Bharu: Waliyullahi Society Penang, h. ١-٢ .

ertinya telah menfardu Rasulullah SAW akan zakat fitrah supaya membersihkan orang yang berpuasa daripada yang sia-sia dan yang keji-keji dan makanan bagi mereka-mereka yang miskin. Dan berkata Sayyidina Ali bin Abi Talib r.a, tiada wajib zakat fitrah melainkan atas mereka yang kuasa puasa dan sembahyang juga. Dan berkata Sa`id bin al-Musayyab dan Hasan Basri r.a, bahawa zakat fitrah tiada terwajib melainkan atas mereka yang sembahyang dan puasa sahaja. Inilah pandangan saya pada masalah zakat fitrah dan fitrah kanak-kanak yang belum baligh.<sup>65</sup>

Pendirian beliau dalam kitab ini juga telah ditentang ramai pihak yang tidak bersetuju terutama Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Menurut Nik Muhammad Salleh Wan Musa, Majlis Ugama menentang pendapat beliau ini kerana mengetahui kesan daripada pandangan beliau ini akan menyebabkan hasil kutipan zakat tahunan dan zakat fitrah yang dibayar oleh masyarakat muslim akan berkurangan. Inilah juga yang menjadi punca utama perselisihan antara beliau dengan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.<sup>66</sup>

Terdapat juga ulama yang menentang pandangan beliau ini dan memberi hujah balik berhubung isu ini iaitu Haji Abbas bin Haji Muhammad, ulama dari Besut Terengganu. Beliau telah menghasilkan karya *al-Qawl al-Haqq* yang diterbitkan oleh Mustafa Press, Kota Bharu. Haji Mukhtar juga mengambil langkah yang sama dengan menghasilkan buku yang diberi tajuk *al-Qawl al-Jamīl* yang diterbitkan oleh al-Hikmah Press pada tahun 1947.<sup>67</sup>

---

<sup>65</sup> *Ibid.*, h. 39.

<sup>66</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan S. Othman Kelantan (1974), *op.cit.*, h. 167.

<sup>67</sup> *Ibid.*, h. 168.

### **1.6.2 *Falsafah Berumahtangga atau Tafsir Surah al-Mujādalah***

Beliau menghasilkan karya yang dinamakan *Falsafah Berumahtangga atau Tafsir Surah al-Mujādalah*. Karya yang diterbitkan oleh Mustafa Press Kelantan pada tahun 1947 ini menjelaskan peranan sebenar yang patut dimainkan oleh wanita Islam untuk memastikan kemajuan Islam serta bagaimana untuk mewujudkan keluarga yang bahagia. Beliau menekankan bahawa peranan wanita adalah tidak berbeza dengan peranan lelaki selain daripada tugasnya di dalam rumah, serta mengulas peranan yang telah dimainkan oleh Sayyidatina Aishah pada zaman beliau.<sup>68</sup>

Dengan kehadiran karya ini, beliau telah diserang oleh tidak kurang daripada tiga mufti negeri iaitu mufti Johor, Pahang, dan Terengganu.<sup>69</sup> Beliau juga dipanggil kufur. Mufti Johor ketika itu telah menuuhnya sebagai *zindiq* dan *mulhid*. Buku ini akhirnya diharamkan oleh Majlis Ugama Islam Kelantan kerana analisisnya berkenaan isu ini telah disalah faham oleh kebanyakan ulama.<sup>70</sup>

### **1.6.3 *Sinaran I'tiqad***

Buku ini dihasilkan oleh beliau sebelum kepulangannya ke Kelantan. Ia yang diterbitkan pada tahun 1938 menjelaskan tentang persoalan Isra' Mi'raj secara ilmiah. Buku yang selesai ditulis pada hari Rabu bertarikh 12 April 1938 diterbitkan oleh Majlis Ugama Islam Kota Bharu Kelantan.<sup>71</sup>

---

<sup>68</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa (1947), *Falsafah Berumahtangga atau Tafsir Surah al-Mujadalah*. Pasir Emas: Persekutuan Amar, h. 19.

<sup>69</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan S. Othman Kelantan (1974), *op.cit.*, h. 168.

<sup>70</sup> *Ibid.*

<sup>71</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa (1938), *Sinaran I'tiqad*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam, h. 17.

Buku ini secara keseluruhannya adalah bertujuan untuk menjelaskan bahawa Isra' Mi'raj bukanlah suatu perkara yang mustahil berlaku secara jisim dan rohani terhadap Rasulullah SAW. Bagi beliau, Allah adalah Maha Berkuasa dan tiada apa yang mustahil dilakukan olehNya, ini termasuklah peristiwa Isra' Mi'raj baginda dengan jasmani dan ruh. Beliau menolak dengan tegas dakwaan bahawa Nabi Muhammad SAW mengalami Isra' Mi'raj dengan roh semata-mata dan bukan dengan jasmani.

#### **1.6.4 *Rahsia Kelahiran Nabi Muhammad***

Ia telah diterbitkan oleh al-Ahliyyah Press Kota Bharu pada tahun 1947 dalam dua jilid. Dalam buku ini, beliau mengulas mengenai kejadian Isra' Mi'raj dari perspektif yang berbeza daripada kebanyakan ulama lain lakukan. Beliau menganalisis dengan cara yang tersendiri dan mendapati bahawa Isra' Mi'raj yang berlaku kepada Nabi Muhammad itu mempunyai hikmah yang sangat penting. Menurut beliau, rahsia Isra' Mi'raj adalah seperti berikut:

Adalah rahsia atau hikmah bagi Mi'raj Nabi kita hadrat Sayyidina Muhammad SAW pada malam itu, iaitu menghadiri Nabi SAW sebagai wakil mengetuai istiadat membuka majlis persidangan lembaga bangsa-bangsa dan mengambil sumpah setia daripada tiap-tiap bangsa yang di atas muka bumi ini, seperti Hindu, Majusi, Yahudi, Nasara dan lain-lainnya. Maka istiadat yang tersebut berlaku pada tahun kesembilan kemudian daripada dilantik menjadi Nabi, iaitu pada Baitul Maqdis di negeri Palestin. Adapun sebab bagi ditentukan Baitul Maqdis itu, ialah kerana majlis persidangan yang amat besar dan mempunyai dengan kekuatan dan tuah daulat Nabi-nabi Bani Israel dari satu kurun ke kurun dan lagi kelahiran hadrat Sayyidina Muhammad SAW bukannya membawa suatu agama baharu, bahkan hendak menghimpunkan segala agama-agama dan membenarkan segala kitab-kitab yang dibawa oleh Nabi-nabi yang dahulu daripadanya dan menyempurnakan segala kekurangan Nabi-nabi yang lain dari hal ajaran dan undang-undang pergaulan hidup dan sebagainya.<sup>72</sup>

---

<sup>72</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa (1947), *Rahsia Kelahiran Nabi Muhammad*. Kota Bharu : Al-Ahliyyah Press, h. 4-5.

### **1.6.5 *Theological Debates: Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad and His Family***

Nik Muhammad Salleh Wan Musa bersama-sama dengan S. Othman Kelantan telah menulis eseai bertajuk “*Theological Debates: Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad and His Family*”. Esei yang ditulis dalam Bahasa Melayu ini telah diterjemahkan dan diedit oleh William Roff untuk dimasukkan ke dalam sebuah buku yang bertajuk *Kelantan Religion, Society, and Politics in a Malay States*.<sup>73</sup>

Pada bahagian pertama, artikel ini membincangkan mengenai pertelingkahan yang berlaku di antara ahli keluarganya dengan ulama-ulama lain mengenai isu jilatan anjing, dan sebagainya. Bahagian kedua pula merupakan biodata pengarang iaitu Nik Muhammad Salleh Wan Musa.

### **1.6.6 *Kuliah Pengajian al-Qur'an***

Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah menyumbangkan jasanya dengan menghasilkan karya yang bermanfaat untuk masyarakat. Karya beliau yang utama ialah *Kuliah Pengajian al-Qur'an* yang mengandungi keterangan falsafah hidup kemanusiaan dari ajaran al-Qur'an serta kaedah-kaedah untuk memahami al-Qur'an. Karya yang berbentuk manuskrip ini boleh didapati di Perpustakaan Peringatan Zaaba dan Perpustakaan Utama Universiti Malaya dengan nombor panggilan BP132 MUHSHWM. Karya ini telah tersebar ke serata Malaysia, selatan Thai, dan Brunei. Karya ini memberi harapan baru kepada masyarakat yang mana beliau menekankan kepentingan *hukumah*

---

<sup>73</sup> William Roff (ed.)(1974), *Kelantan Religion, Society, and Politics in a Malay States*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. ix.

Islam iaitu kerajaan Islam untuk menjamin keadilan dan keamanan sejagat.<sup>74</sup> Karya ini akan dibincangkan oleh penulis secara lebih mendalam dalam bab-bab seterusnya.

### 1.6.7 Kumpulan Makalah

Beliau juga menulis makalah yang menerangkan isu-isu yang melibatkan hukum semasa. Contohnya beliau menulis makalah yang dinamakan *Kumpulan Makalah Yang Menerangkan Falsafah Islam di dalam Tiga Masalah Penting: 1. Loteri, toto, ekor 2. Wang Bunga Yang Dibayar oleh Bank, 3. Wang Yang Dibayar oleh Kompeni Insurans.*<sup>75</sup>

Dalam makalah ini, beliau mengemukakan hujah beliau dalam menjustifikasi pendirian beliau berhubung sesuatu isu. Beliau mengemukakan hujah beliau dan menolak hujah ulama lain, kerana menurut beliau hujah tersebut tidak berpandukan cara-cara yang betul untuk mengistinbat sesuatu hukum. Bahkan beliau turut mengesyorkan kepada para ulama Tanah Melayu supaya tidak bertaklid kepada ulama Timur Tengah semata-mata. Beliau turut mengkritik hujah ulama lain seperti fatwa Shaikh Muhammad Bakhit al-Mutti'i, Sayyid Alwi bin Abbas al-Maliki, Haji Mohd Ghazali bin Haji Abdullah, Abu Bakar Ashaari, Dato' Syed Alwi bin Tahir al-Haddad dan lain-lain lagi.

Selain itu, masih banyak lagi karya beliau yang belum dicetak iaitu *Asas Kebenaran antara Filsafat Syah Waliyullah al-Dihlawi dengan Filsafat Dunia, Tafsir atas Kitab Fawz al-Kabir, Muqatta'at al-Qur'an dan Kritik Filsafat Kemasyarakatan Ibn Khaldun.*<sup>76</sup>

<sup>74</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan S. Othman Kelantan (1974), *op.cit.*, h. 169.

<sup>75</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), *Kumpulan Makalah Yang Menerangkan Falsafah Islam di dalam Tiga Masalah Penting.* t.t.p : t.p.

<sup>76</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan S. Othman Kelantan (1974), *op.cit.*, h. 168.

### **1.7 Nik Muhammad Salleh Wan Musa Sebagai Seorang Tokoh Islah**

Nik Muhammad Salleh Wan Musa adalah seorang tokoh islah yang telah banyak mengemukakan idea-idea yang berlainan dengan ulama lain yang sezaman dengannya. Beliau sangat berani melontarkan idea dan tidak takut menongkah arus walaupun bersendirian dalam sesuatu isu. Dalam persoalan zakat, beliau dengan berani menyatakan pendapatnya bahawa kanak-kanak dan hamba tidak perlu membayar zakat fitrah. Beliau mengamalkan pendapat tersebut dan hanya membayar zakat fitrah bagi anak-anaknya setelah mereka mencapai tahap umur baligh. Amalan ini turut diamalkan oleh para pengikut beliau yang bersetuju dengan pendapatnya.<sup>77</sup>

Dalam persoalan loteri pula, beliau menyatakan bahawa loteri tersebut bukanlah suatu judi dan tidak haram sebagaimana yang dinyatakan oleh ulama-ulama lain sezaman dengannya. Persoalan loteri ini berbangkit ekoran Akta Loteri Kebajikan Masyarakat yang diluluskan sebagai jalan untuk mengutip dana bagi membina institusi seperti sekolah, hospital, membina jalan raya dan sebagainya. Loteri merupakan satu perkara yang menjadi *khilāf* antara ulama-ulama, justeru itu Pihak Jabatan Kementerian Perdana Menteri telah mengadakan majlis muzakarah di Dewan Tengku Abdul Rahman pada 15 Oktober 1961, seramai 18 orang alim ulama dan mufti berkumpul untuk mengambil bahagian, termasuklah Nik Muhammad Salleh Wan Musa. Muzakarah itu bertajuk Samada Wang Loteri Kebajikan Masyarakat itu halal digunakan untuk mendirikan rumah-rumah ibadat dan lain-lain kebajikan ataupun tidak.<sup>78</sup>

---

<sup>77</sup> YM Tengku Rabiatul Adawiyah Tengku Zainal Abidin, isteri Nik Muhammad Salleh Wan Musa, *op.cit.*

<sup>78</sup> Siti Rokiah Yusoff (1977), *op.cit.*, h. 16 dan 127.

Kebanyakan ulama menyatakan bahawa ia berbentuk judi dengan berdalilkan ayat 29 surah *al-Nisā'*, manakala beliau menafikan loteri kebajikan ini judi. Beliau menekankan bahawa loteri yang dibeli itu merupakan derma malah loteri itu diadakan adalah untuk menggalakkan orang ramai menderma sebanyak mungkin kepada tabung masyarakat di samping memberi peluang kepada para penderma menunggu hadiah galakan daripada pihak perbadanan loteri dengan cara mengundi bagi memilih nombor-nombor tiket yang bernasib baik pada hari yang ditetapkan.<sup>79</sup>

Dalam persoalan faedah yang dikenakan oleh pihak bank pula, beliau menganggap ia bukanlah suatu riba dan ia tidak haram. Menurut pandangannya, apa yang dikatakan riba ialah bunga atau faedah yang dikenakan oleh ceti-ceti haram yang lebih dikenali sebagai *along* hari ini. Bunga yang dikenakan oleh bank adalah tidak bersifat menganiaya dan ia adalah keuntungan daripada perniagaan yang dijalankan oleh pihak bank.<sup>80</sup>

Dalam persoalan menunaikan haji secara berulang-kali, beliau berpendapat adalah lebih baik ibadah itu ditunaikan sekali sahaja daripada berulang kali. Duit yang digunakan untuk haji kali kedua dan seterusnya adalah lebih baik disalurkan kepada fakir miskin dan melaksanakan pembangunan untuk kemudahan umat.<sup>81</sup>

Pendapat-pendapat yang dikemukakan ini merentasi zaman dan beliau tidak mudah terikut-ikut dalam menyatakan pendapatnya. Beliau menekankan idea

<sup>79</sup> Nik Muhammad Salleh Wan Musa (t.t), Kumpulan Makalah Yang Menerangkan Falsafah Islam di dalam Tiga Masalah Penting. t.t.p : t.p., h. 5-6.

<sup>80</sup> Tengku Rabiatul Adawiyah Tengku Zainal Abidin, *op.cit.*

<sup>81</sup> *Ibid.*

pembaharuan mahu mengembalikan masyarakat kepada al-Qur'an dan al-sunnah serta menggalakkan budaya berijtihad, menghapuskan taklid buta, dan menekankan kemajuan. Beliau menyedari erti sebuah kemerdekaan amat penting dan sangat mengagumi Mustafa Kamal al-Tartuk, bapa kemodenan Turki. Beliau tidak terikut-ikut dengan pandangan yang menghukumkan Mustafa Kamal al-Tartuk sebagai kafir, sebaliknya beliau memandangnya sebagai seorang tokoh perjuangan yang perlu dicontohi.<sup>82</sup>

Di samping menyeru kepada alim ulama supaya tidak bertaklid buta dan mengamalkan ijihad serta seruan merujuk al-Qur'an dan al-hadith dalam beristinbat, beliau turut memberi perhatian terhadap ajaran salah iaitu SUBUD<sup>83</sup> dan OCCULT yang tersebar di Kelantan pada awal tahun 1960an.<sup>84</sup> Beliau dengan tegas dan yakin menyatakan bahawa ajaran ini menyalahi syariat dan akidah agama Islam. Beliau menyatakan rasa terkilannya kerana Majlis Ugama dan Mufti Kelantan pada waktu itu tidak menghapuskan ajaran yang salah itu dengan segera. Lebih kurang sebulan selepas Nik Muhammad Salleh menyuarakan rasa terkilannya itu, barulah Majlis Ugama mengambil tindakan. Pada 16 Oktober 1960, sebahagian besar ulama Kelantan mengadakan perjumpaan di rumah Timbalan Menteri Besar Kelantan yang menghasilkan suatu keputusan untuk membentuk jawatankuasa untuk menyelidik dan mengkaji ajaran SUBUD.<sup>85</sup> Seterusnya pada Februari 1961, ajaran ini diisyiharkan

---

<sup>82</sup> *Ibid.*

<sup>83</sup> Untuk mengetahui dengan lebih lanjut sila lihat, Yusoff Zaky Yacob (1960), *Pembongkaran Rahsia Subud: Memuati Perihal2 Perkembangan Subud Di Negeri Kelantan, Fatwa Pengharaman Subud Dari Majlis Ulama Kelantan Dan Laporan Lengkap Jawatankuasa Pengkaji Subud*. Kota Bharu:Pustaka Dian Press.

<sup>84</sup> Siti Rokiah Yusoff (1977), *op.cit.*, h. 111.

<sup>85</sup> *Ibid.*

sebagai ajaran yang salah dan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar.<sup>86</sup> Dengan seruan beliau, tindakan cepat diambil oleh pihak berautoriti walaupun dalam sesetengah perkara mereka tidak bersetuju dengan tindakan dan pendapat Nik Muhammad Salleh Wan Musa.

Selain memberi sumbangan dengan menyebarkan ilmu melalui pengajaran dan penulisan, Nik Muhammad Salleh Wan Musa turut melibatkan diri dalam politik bagi mempraktikkan teori yang dipelajari. Meskipun beliau tidak begitu berminat dengan politik, beliau bercita-cita mempraktikkan teori politik yang dipelajari sebagaimana yang terkandung dalam al-Qur'an dan diamalkan oleh Rasulullah SAW yang berpusat di Madinah itu.<sup>87</sup> Beliau telah menujuhkan cawangan parti IMP iaitu Independence Malay Party yang dipimpin oleh Datuk Onn Jaafar di Salor, Kelantan pada tahun 1953.<sup>88</sup> Pada 1954, parti tersebut telah diubah kepada Parti Negara. Bagaimanapun, cawangan Parti Negara tidak mendapat sambutan, dan Parti Negara berkubur sebaik sahaja kematian pengasasnya Dato' Onn Jaafar pada 19 Januari 1962.<sup>89</sup>

Sepanjang menjadi ahli Parti Negara, beliau pernah bertanding sekali dalam pilihanraya mewakili parti tersebut. Pada tahun 1959, beliau bertanding dalam pilihanraya bagi pemilihan ahli dewan undangan negeri Kelantan kawasan Bachok Utara. Dalam pilihanraya tiga penjuru tersebut beliau kalah di tangan calon PAS.

---

<sup>86</sup> *Ibid.*

<sup>87</sup> *Ibid.*, h. 112.

<sup>88</sup> *Ibid.*

<sup>89</sup> *Ibid.*

Berikut merupakan butiran tentang jumlah undi yang diperolehi oleh ketiga-tiga calon yang bertanding di Bachok Utara.<sup>90</sup>

Jumlah pemilih berdaftar	Jumlah keluar mengundi	Nama-nama calon	Parti	Undi diperolehi	Parti menang Majoriti
9546	7276	Jaafar bin Mohamad	Perikatan	1290	
		Shafei bin Ahmad	PAS	5557	PAS 4267
		Haji Nik Muhammad Salleh bin Wan Musa	Parti Negara	222	

Usahanya dalam mengembalikan masyarakat kepada al-Qur'an dan al-sunnah ini telah mendapat perhatian mereka yang segolongan dengannya, menyebabkan namanya tersenarai sebagai mujahid perjalanan Keluarga as-Sunnah dalam Deklarasi Wujudnya Keluarga as-Sunnah pada 11 Rabiul Awal 1403H bersamaan 26 Disember 1982.<sup>91</sup>

Usaha beliau ini menerima sambutan yang berbeza daripada masyarakat setempat di Kelantan. Ada yang dapat menerimanya dengan baik, dan tetap setia mendengar apa yang disampaikan olehnya di surau, manakala yang tidak dapat menerimanya terbahagi kepada dua iaitu samada berdiam diri ataupun menyebarkan

---

<sup>90</sup> Clive S. Kessler (1978), *Islam and Politics in a Malay State Kelantan 1838-1969*. United Kingdom: Cornell University, h. 118. Lihat juga Ensiklopedia Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen dan Dewan Undangan Negeri 1959-2004 (2008), j.1. Shah Alam: Bookdigital Sdn. Bhd., h.137.

<sup>91</sup> Selain beliau, deklarasi ini turut menyenaraikan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Pendeta Zainal Abidin Ahmad(Zaaba), Syed Syeikh Ahmad al-Hadi, Syeikh Abu Bakar al-Shaari, Syeikh Ibrahim 'Aqibi, al-Ustaz Haji Ahmad Amin, al-Ustaz Haji Saidin Kamaruddin, Datuk Haji Muhammad Said Kelantan, Maulana Muhammad Maadah Layang, Syeikh Sidi Latif, Abdul Malik Hussain, dan al-Hafiz Haji Rijal Abdullah. Lihat Mohd Radzi Othman dan O. K. Rahmat (1996), *Gerakan Pembaharuan Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia., h. 26-265.

fitnah terhadap beliau. Bagaimanapun masyarakat awam menerima idea beliau dengan baik dan ini menyebabkan beliau mempunyai hubungan yang baik dengan mereka.

Mereka yang tidak bersetuju dengan pendapatnya ialah ulama Kaum Tua. Mereka tidak dapat menerima apa yang disampaikan oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa kerana pemikiran beliau dan juga cara pengajaran beliau.<sup>92</sup>

Malah ulama Kaum Tua pernah memanggil beliau untuk berdialog di Rumah Kesatuan Peniaga-peniaga Melayu yang mana sekarang ini berdekatan dengan Padang Merdeka.<sup>93</sup> Bagaimanapun, beliau tidak menghadiri dialog tersebut. Walaupun ada yang memandang peristiwa ini menyebabkan kredibilitinya sedikit terjejas di mata masyarakat, tetapi murid-murid tetap konsisten menghadiri kuliah pengajarannya. Oleh kerana cara pengajarannya yang berbeza dengan orang lain, Mufti Haji Ahmad Maher pernah memanggil beliau untuk memberikan nasihat kepadanya dari segi pengajarannya yang boleh menimbulkan perpecahan di kalangan masyarakat.<sup>94</sup>

Bagaimanapun tradisi ilmiah juga berkembang apabila ada alim ulama yang cuba menentang pandangan beliau. Mereka menghasilkan buku bagi menghuraikan masalah yang ditimbulkan oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan mengemukakan hujah mereka seperti yang dilakukan oleh Tok Guru Haji Abas dari Besut.

Hubungan beliau dengan pihak Majlis Ugama Kelantan kurang baik kerana pendapat-pendapat beliau yang sukar diterima pada waktu itu. Menurut isterinya,

<sup>92</sup> Prof Madya Dr Zaki Berahim@Ibrahim, *op.cit.*

<sup>93</sup> *Ibid.*

<sup>94</sup> *Ibid.*

hubungan dingin antara Nik Muhammad Salleh Wan Musa dengan pihak Majlis Ugama mungkin berpunca daripada hubungan baik Nik Muhammad Salleh Wan Musa dengan pihak istana dan pemerintah, malah pandangan beliau didengar oleh istana menyebabkan Majlis Ugama berasa terpinggir.<sup>95</sup>

Selain ulama-ulama Kaum Tua, Nik Muhammad Salleh Wan Musa turut dimusuhi oleh pihak British yang merasakan kedudukan mereka terancam disebabkan ilmu yang disebarkannya itu boleh mendatangkan kesedaran untuk membebaskan diri daripada cengkaman penjajah di Tanah Melayu pada waktu itu. Bagi pihak British, lepasan universiti di India adalah berbahaya kerana mereka mungkin terserap semangat nasionalisme sewaktu menuntut di sana.<sup>96</sup>

Status beliau yang bernikah dengan kerabat diraja telah banyak membantu beliau dalam menghadapi semua pihak yang menentang dan tidak bersetuju dengan beliau. Selain itu beliau mempunyai hubungan baik dengan Sultan Perak dan orang-orang kuat UMNO yang disertainya sejak pulang dari India lagi.<sup>97</sup> Hubungan baik ini banyak membantu beliau apabila diserang oleh mereka yang tidak bersetuju dengannya.

Menjadi ulama yang sering mengajak ke arah pembaharuan dan menimbulkan idea yang menentang arus, beliau sering ditohmah dengan pelbagai fitnah. Beliau telah difitnah sebagai Kaum Muda sejak mula balik dari belajar di India lagi, fitnah ini turut menyentuh peribadi beliau seperti tidak berkhatan, menjual isteri dan sebagainya. Isteri beliau turut terkena tempias apabila dituduh menjadi pelacur dan menjual diri, malah

<sup>95</sup> YM Tengku Rabiatul Adawiyah Tengku Zainal Abidin, *op.cit.*

<sup>96</sup> *Ibid.*

<sup>97</sup> *Ibid.*

poster-poster yang penuh dengan kata-kata nista bagi menjatuhkan peribadi beliau turut ditampal di merata-rata tempat.<sup>98</sup>

Selain fitnah yang disebarluaskan secara mulut ke mulut, beliau juga terpaksa turun naik mahkamah bagi menjawab tuduhan yang dilemparkan kepadanya. Menurut isterinya, Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah dibicarakan berkali-kali dari tahun 1951 hingga 1964, namun beliau tidak dapat mengingati kesemua kes yang dibicarakan itu. Antara yang masih diingati ialah tuduhan berkaitan masalah zakat dan tuduhan memberi makan kepada komunis. Tuduhan memberi makan kepada komunis adalah tuduhan yang paling berat dikenakan kepadanya. Ini menyebabkan pasport beliau ditahan dan beliau tidak boleh ke luar negara. Setiap kali menghadapi perbicaraan, setiap kali itulah YM Tengku Rabiatul Adawiyah menyediakan peguam dan membayar kos guaman yang bernilai ribuan ringgit ketika itu.<sup>99</sup>

Di samping itu, Nik Muhammad Salleh Wan Musa juga pernah menghadapi cubaan bunuh oleh pihak yang tidak diketahui. Beliau hampir terbunu apabila racun diletakkan di dalam cawan air minumannya, bagaimanapun dengan gerak hatinya, beliau menukar cawan tersebut dengan cawan anak muridnya. Akibatnya anak muridnya yang setia meninggal dunia beberapa jam kemudian, dan beliau terselamat daripada cubaan bunuh tersebut.<sup>100</sup>

Beliau juga pernah cuba ditembak ketika menyampaikan ceramah di Salor Kelantan. Peluru yang dilepaskan itu bagaimanapun tidak mengenai kepalanya

<sup>98</sup> *Ibid.*

<sup>99</sup> *Ibid.*

<sup>100</sup> *Ibid.*

sebaliknya terbang melepas atas kepalanya. Sekali lagi beliau terselamat daripada cubaan bunuh yang tidak diketahui perbuatan siapa.<sup>101</sup>

Pelbagai dugaan, halangan, dan rintangan yang dihadapi tidak sedikitpun melemahkan semangat beliau untuk terus menyebarkan ilmu yang dimilikinya. Cita-citanya tinggi untuk melihat masyarakat Tanah Melayu sedar dan kembali kepada al-Qur'an dan al-sunnah mengatasi segala-galanya. Sebagai orang perjuangan yang hidupnya sentiasa terancam, beliau merekodkan segala aktiviti yang dilakukan dalam diari khas. Setiap hari beliau menulis diari yang menceritakan segala aktivitinya secara terperinci pada hari itu, termasuklah dengan siapa beliau bertemu, dan ke mana beliau pergi. Tulisan ini banyak membantu beliau dalam menghadapi tuduhan yang dilemparkan mahupun ketika berhadapan perbicaraan mahkamah.<sup>102</sup> Bagaimanapun diari itu telah dibakar oleh orang suruhannya selepas kematiannya. Beliau tidak mahu orang lain mengetahui sejarah hidup perjuangannya yang penuh liku itu, dan kini diari itu tidak wujud lagi.<sup>103</sup>

## 1.8 Kematian

Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah meninggal dunia pada pagi Jumaat tanggal 3 Disember 1971 dalam usia yang sangat muda iaitu ketika berusia 51 tahun.<sup>104</sup>

---

<sup>101</sup> *Ibid.*

<sup>102</sup> *Ibid.*

<sup>103</sup> Nik Hassan Nik Abdullah, anak murid Nik Muhammad Salleh Wan Musa, temubual pada 17 Oktober 2008 di rumah beliau di alamat 968, Kampung Tok Betek, Kota Bharu Kelantan. Menurutnya banyak catatan Nik Muhammad Salleh Wan Musa yang bernilai telah dibakar kerana melaksanakan iwasiatnya itu. Menurutnya lagi isteri Nik Muhammad Salleh Wan Musa tidak mengetahui langsung mengenai hal ini dan beranggapan ia telah dibakar oleh anaknya, Tengku Ahmad Qutubuddin kerana menganggap anaknya itu tidak tahu menghargai usaha yang dilakukan oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa. Banyak catatan Nik Muhammad Salleh Wan Musa hilang ketika beliau tiada di rumah, seolah-olah dicuri orang sedangkan beliau menyimpannya dalam almari khas. Kini yang tinggal hanyalah sebuah album dan kumpulan makalah.

<sup>104</sup> YM Tengku Rabiatul Adawiyah Tengku Zainal Abidin, *op.cit.*

Kepulangannya ke rahmatullah adalah disebabkan sakit buah pinggang. Beliau telah lama mengalaminya tetapi hanya membiarkannya dan enggan dirawat di hospital. Beliau mula diserang sakit teruk pada hari Rabu, dan semakin teruk hingga meninggal dunia pada pukul 8.20 pagi hari Jumaat.<sup>105</sup>

Seminggu sebelum itu, beliau telah berpesan kepada para pelajar supaya menghadiri kelasnya pada hari Jumaat tersebut. Beliau mahu mengajar ilmu yang paling menarik sekali. Justeru itu pada hari tersebut, rumahnya dipenuhi oleh ratusan pelajar yang ingin menuntut ilmu daripada beliau. Bagaimanapun, guru yang mereka sayangi telah menghadap Ilahi. Sebagai penghargaan terakhir mereka menunaikan solat jenazah di rumah dan mengusung mayat Nik Muhammad Salleh Wan Musa untuk dikebumikan di Perkuburan Tuan Tabal yang terletak di Tanah Perkuburan Kampung Bonggol yang turut menempatkan ahli keluarga beliau yang lain termasuklah Tuan Tabal.<sup>106</sup>

Jenazah beliau telah disembahyangkan sekali lagi di tanah perkuburan tersebut, setelah kali pertama disembahyangkan di rumah beliau. Beliau tidak mengizinkan jenazahnya disembahyangkan di masjid ekoran perselisihan beliau dengan Majlis Ugama.<sup>107</sup>

## 1.9 Kesimpulan

Kehadiran Nik Muhammad Salleh Wan Musa sebagai tokoh intelektual Kelantan merancakkan lagi gerakan ilmu di negeri Serambi Mekah itu. Kedalaman ilmu dan kepakaran beliau menganalisis sesuatu isu setelah dewasa adalah disebabkan pendidikan

<sup>105</sup> *Ibid.*

<sup>106</sup> *Ibid.*

<sup>107</sup> *Ibid.*

dan proses tumbesaran beliau yang penuh dengan tradisi ilmiah. Dilahirkan dalam keluarga ulama dan umara, diasuh oleh ibu yang penyayang, dididik pula di tangan ayahnya dan abangnya sendiri sebelum berdampingan pula dengan tokoh-tokoh yang sememangnya pakar dan terkenal iaitu Maulana Ubaidillah Sindi dan Dr Zakir Husayn telah mematangkan beliau sebelum waktunya dan membolehkannya terus menyampaikan ilmu yang diperolehi sepanjang rehlah ilmiahnya.

Sokongan daripada isteri tercinta dan keluarga membolehkan beliau terus utuh menyeru masyarakat kepada al-Qur'an dan al-sunnah. Pembabitan beliau dalam pengajaran, penulisan, dan politik membuatkan fikrah beliau tersebar ke merata-rata dan menimbulkan kesedaran di dalam masyarakat. Tentangan dan halangan hidup yang diperolehi tidak sedikitpun melemahkan semangatnya, dan ini seharusnya diteladani oleh para ilmuan yang ingin turun ke medan perjuangan menyampaikan ilmu.